

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah hilang pekerjaan sejak bermula pandemik COVID-19. Mohon diberikan jawapan mengikut sektor ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO sentiasa memantau keadaan pemberhentian pekerja di seluruh negara. Kesan dari penularan wabak COVID-19 telah pun dapat dilihat seawal bulan Januari 2020. Berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), jumlah rakyat Malaysia yang telah kehilangan pekerjaan dari Januari 2020 sehingga 13 November 2020 melibatkan seramai **95,995** pekerja. Pecahan kes kehilangan pekerjaan mengikut sektor ekonomi adalah seperti berikut:

- a) Perkilangan mencatatkan angka terbesar iaitu seramai **21,782** orang pekerja;
- b) Penginapan dan *F&B* melibatkan **13,478** orang pekerja;
- c) Pemborong dan peruncitan seramai **13,226** orang pekerja;

SOALAN NO : 28

- d) Profesional dan teknikal mencatatkan **9,253** orang pekerja;
- e) Pentadbiran dan khidmat sokongan mencatatkan **7,445** orang pekerja;
- f) Pembinaan mencatatkan **6,855** orang pekerja;
- g) *ICT* melibatkan **5,136** orang pekerja;
- h) Pengangkutan melibatkan **5,418** orang pekerja;
- i) Kewangan dan takaful insurans mencatatkan **2,468** orang pekerja;
- j) Hartanah mencatatkan **2,506** orang pekerja;
- k) Pendidikan mencatatkan **1,967** orang pekerja;
- l) Seni, hiburan dan rekreasi mencatatkan **1,199** orang pekerja;
- m) Perlombongan dan penggalian mencatatkan **1,,436** orang pekerja;
- n) Pertanian, perhutanan dan perikanan mencatatkan **775** orang pekerja;
- o) Kesihatan dan kerja sosial mencatatkan **687** orang pekerja;
- p) Bekalan elektrik, gas, wap dan penyaman udara mencatatkan **492** orang pekerja;
- q) Air, pembentungan dan sisa melibatkan **409** orang pekerja;
- r) Keselamatan sosial mencatatkan **101** orang pekerja;
- s) Aktiviti luar wilayah mencatatkan **32** orang pekerja;
- t) Aktiviti isi rumah mencatatkan **10** orang pekerja;
- u) Perkhidmatan lain melibatkan **1,320** orang pekerja;

Sekian terima kasih.